

sekata

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

- **Penglibatan Guru dan Masyarakat dalam Meningkatkan Penggunaan Bahasa Melayu yang Betul.**
- **Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa**
- **Pengaruh Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu**
- **Mengarang dengan Menggunakan Pengalaman Pancaindera. (bahagian kedua).**

**JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN
SINGAPURA**

**JILID 5 BILANGAN 1
DISEMBER 1988**

**ISSN 0217-4627
JAMADIL AWAL 1409.**

**JAWATANKUASA
BAHASA MELAYU
SINGAPURA**

Pengerusi
HAJI SIDEK SANIFF

Setiausaha Kehormat
ALMUDDIN HASHIM

Anggota
YATIMAN YUSOFF
HAJI WAN HUSSIN ZOCHRI
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD
HAJI SURATMAN MARKASAN
HAJI ALIMAN HASSAN
Dr. LIAW YOCK FANG
HAWAZI DAIPI
HASHIM YUSOF
AHMAD THANI AHMAD
HARUN A. GHANI
KASMADI HAJI NASIR
MOHAMED NAIM DAIPI
Drs. MASRAN SABRAN
M. RAMAN DAUD
M. RIDWAN KAMARI

**SIDANG EDITOR
SEKATA**

Jilid 5 Disember 1988
Bilangan 1 J'awal 1409

Ketua Editor
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Timbalan Ketua Editor
MOHAMED NAIM DAIPI

Editor
HAJI SURATMAN MARKASAN
HARUN A. GHANI
Drs. MASRAN SABRAN
M. RAMAN DAUD

KANDUNGAN

	Muka
Daripada Editor	1
PENGLIBATAN GURU DAN MASYARAKAT DALAM MENINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU YANG BETUL	3
– Haji Muhammad Ariff Ahmad	
SOSIOLINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA	12
– Dr. Asim Gunarwan	
PENGARUH BAHASA ARAB DALAM BAHASA MELAYU	20
– Haji Abbas Shariff	
MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDER	34
– Mohamed Naim B. Daipi	

SEKATA diterbitkan setahun empat kali, tiap-tiap bulan Mac, Jun, September dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran dari Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada:
Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,
Kementerian Perhubungan & Penerangan,
Bangunan PSA, Tingkat 37,
460, Alexandra Road,
Singapura 0511.

Daripada Editor

BB88 (Bulan Bahasa 1988) anjuran JBMS (Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura) telah selesai dilaksanakan. Beberapa organisasi bahasa dan budaya Melayu di Singapura dan sebuah misi kebudayaan Brunei Darussalam telah mengisi rancangan BB88 selama 35 hari itu.

Menerusi kegiatan-kegiatan BB88 itu, JBMS telah cuba menggugah kesedaran menggunakan bahasa Melayu yang betul sambil menyemai semangat cinta bahasa dan cinta budaya di kalangan waris dan para pengguna bahasa Melayu di Singapura ini.

Sehubungan dengan kegiatan menggunakan bahasa Melayu yang betul itu, menerusi mutakhabir (informant) kita, **sekata** beroleh maklumat bahawa selain daripada memikirkan peningkatan pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah, PGBM (Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu) Singapura sedang bergiat membincang dan memikirkan kemanfaatan penuturan sebutan baku di Singapura.

Perlu difaham bahawa sebutan baku bahasa Melayu itu bukan sebutan Malaysia; bukan sebutan Indonesia; bukan sebutan Brunei; pun bukan sebutan Singapura. . . tetapi, ialah sebutan yang **sekata** bagi bahasa Melayu di mana-mana sahaja bahasa Melayu itu digunakan.

KGMS (Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura) telah menunjukkan responnya terhadap usaha meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, dengan menjadikan perkara itu satu daripada topik ceramahnya dalam seminar pendidikan: **mengorak langkah ke tahun 1990-an** yang diadakan pada 19 dan 20 November 1988 di Maktab Rendah Victoria.

Jika tiap-tiap organisasi bahasa atau organisasi yang menyangkut hal-hal kebahasaan di Singapura dapat mengadakan kegiatan berterusan yang berstrategi dengan melibatkan pengguna-pengguna bahasa, yang khusus dan yang umum, supaya turut menyertai kegiatan-kegiatan itu, maka bolehlah kita percaya bahawa dalam tempoh yang tidak lama, atau menjelang Bulan Bahasa 1990, **penggunaan bahasa Melayu yang betul** sudah akan meningkat sekurang-kurangnya setahap lebih tinggi daripada tahap yang ada sekarang ini.

Marilah kita jadikan slogan **gunakan bahasa Melayu yang betul** itu sebagai satu daya untuk memperkukuh kecintaan kita terhadap bahasa dan budaya Melayu; dan menjadikannya matlamat yang hendak kita capai pada tiap kali kita bertutur dalam bahasa Melayu.

Sekata mengalu-alukan sebarang usaha oleh pihak mana pun juga untuk mempertinggi dan mempertingkat penggunaan bahasa Melayu yang betul. **Sekata** bersedia menjadi wadah pemikiran ke arah pencapaian matlamat tersebut; jika makalah yang diterima mencukupi untuk disiarkan menerusinya, JBMS, insya-Allah, akan menjadikan **sekata** ini terbitan triwulan atau suku tahunan.

PENGLIBATAN GURU DAN MASYARAKAT DALAM MENINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU YANG BETUL*

oleh: Haji Muhammad Ariff Ahmad

MUKADIMAH (LATAR)

Slogan “gunakanlah bahasa Melayu yang betul” sudah dilaungkan oleh Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura menerusi Bulan Bahasa Melayu yang dianjurkannya dalam tahun 1982 (14 Ogos – 12 Sept 1982) dahulu. Menurut laporan Majlis Pusat, kegiatan itu tidak mendapat sambutan yang wajar daripada masyarakat; maka kegiatan itu terencat (tidak diteruskan) beberapa tahun.

Selama 35 hari (13 Ogos – 17 Sep 88), setelah 6 tahun berlalu, dengan kerjasama Majlis Pusat, Persatuan Wartawan Melayu dan 12 pertubuhan

*Kertas kerja ini pernah disampaikan dalam Seminar Pendidikan: mengorak langkah ke tahun 1990-an, anjuran KGMS pada 19 dan 20 November 1988 di Maktab Rendah Victoria.

budaya dan sastera Melayu di Singapura, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura, melalui Jawatankuasa Bulan Bahasa yang ditubuhkannya, telah mengadakan “Bulan Bahasa 88” dengan tema “bahasa menjunjung budaya”.

Slogan “gunakanlah bahasa Melayu yang betul” telah digunakan sekali lagi sebagai matlamat yang hendak dicapai apabila kegiatan Bulan Bahasa 88 itu selesai dilaksanakan. Dengan strategi yang teratur dan rancangan yang tersusun, kempen menggunakan bahasa Melayu yang betul telah dilancar dan digiatkan menerusi Bulan Bahasa 88 itu.

Bahasa Melayu yang betul ialah bahasa Melayu baku yang digunakan orang Melayu (terutama golongan terpelajarnya) yang betul menurut tatabahasa dan kebiasaan peribahasa; yang dituturkan dalam majlis-majlis formal dan rasmi seperti majlis kuliah, mesyuarat, ceramah atau syarahan dan yang sebagainya. Bahasa Melayu yang betul ialah bahasa yang bukan bahasa cemar, bukan bahasa kacukan, bukan pula wacana yang terbentuk menurut kebiasaan bahasa asing, misalnya seperti: *Ini hari, saya punya anak yang baru lulus universiti ada datang. Dia mahu tengok sama awak; mahu kasi terima kasih sama awak. Dia ada bawa cenderamata yang bagus, mahu kasi sama awak. Awak, bolehkah tunggu sama dia, sampai datang nanti?*

Daripada berita awalnya, khabarnya, Bulan Bahasa 88 telah berjaya mencapai matlamatnya, iaitu: mengharapkan supaya lebih ramai lagi para pengguna dan pencinta bahasa Melayu, khususnya masyarakat Melayu sendiri dapat menggunakan dan bertutur dalam bahasa Melayu yang betul di samping meningkatkan lagi taraf penggunaan bahasa ibunda kita agar setanding dengan bahasa Melayu yang digunakan di negara-negara jiran.

Bagaimanapun, kejayaan yang dikatakan telah dicapai itu adalah kejayaan melaksanakan kegiatan yang telah diatitkan menurut program (kecuali rancangan kegiatan 3 Sept 1988 yang terpaksa dibatal/ditangguhkan kerana hari itu tiba-tiba telah diumumkan sebagai hari pilihanraya umum, rancangan-rancangan lain telah dapat dilaksanakan seperti yang diharapkan). Suratkhbar telah pun membuat liputan besar-besaran mengenai kegiatan Bulan Bahasa 88 itu sepanjang bulan bahasa. Memang, tiap acara yang dipersembahkan telah disungguh-sungguhi oleh pihak pengelolanya, namun, sambutan dan penyertaan masyarakat belumlah lagi dapat membuktikan bahawa matlamat (dalaman) penganjur Bulan Bahasa

88 itu sudah tercapai.

Selain daripada upacara pembukaannya pada 13 Ogos 1988, dan majlis penutupnya pada 17 Sept 1988; mungkin juga **Sidang Wartawan Nusantara I** pada 19 dan 20 Ogos 1988, kelolaan Persatuan Wartawan Melayu yang telah mendapat sambutan baik dan menghasilkan usaha yang berlanjutan bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu; dan majlis **Bicara Sastera** di Maktab Rendah Tampines pada 4 Sept 1988 yang mendapat sambutan baik daripada pelajar Pra-U kerana subjek yang dibincangkan ada hubungan dengan teks pelajarannya, maka acara-acara lainnya hanya diraikan oleh peminat biasa yang kecil bilangannya!

Selain daripada pertunjukan senibudaya yang kebanyakannya diatur khusus untuk mengisi Bulan Bahasa 88, kegiatan-kegiatan lainnya merupakan kegiatan biasa yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu dengan kumpulan sasaran (target group) yang tertentu. Aprisiasi Bahasa dan Sastera kelolaan Asas 50, yang diadakan di Maktab Rendah Victoria pada 20 Ogos 1988, walaupun dibicarakan dan dibuka rasmi oleh tokoh terkemuka, namun sambutan masyarakat umum terhadap kegiatan itu begitu dingin..

Dengan latar keadaan yang demikian itulah barangkali, penganjur seminar ini, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, memasukkan kes penataran penggunaan bahasa Melayu ini ke dalam seminar supaya dapat kita bincangkan bersama.

PENINGKATAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU YANG BETUL

Kekata **peningkatan** itu sama dengan "penataran". Sesuatu yang hendak ditingkat atau dinatarkan tentulah sudah ada dasar atau landasnya. Jika penggunaan bahasa Melayu yang betul itu hendak ditingkatkan, pasti penggunaan bahasa Melayu yang sekarang ini sudah betul; cuma barangkali masih berada di suatu tahap yang tertentu yang di bawah paras purata. Maka sebelum kita diingatkan penggunaan itu, patutlah kita nilai penggunaannya pada tahap yang sekarang terlebih dahulu.

Sehubungan dengan peningkatan itu ada beberapa faktor penggunaan bahasa yang perlu kita lihat: **penggunaan bahasa** itu sendiri sebagai faktor terpenting; **bahasa** yang digunakan (dalam kes ini: bahasa Melayu); dan **masa** serta **sekitaran** bahasa itu.

1. **pengguna bahasa** perlu kita nilai: minat dan kecintaannya terhadap bahasa; sikapnya dalam penggunaan bahasa dan tahap pengetahuannya tentang bahasa ibunda.
2. bahasa itu harus kita nilai dari segi statusnya; dari segi keperluan kegunaannya menurut nilai-nilai ilmu, sosial, budaya dan ekonominya.
3. **masa penggunaan** bahasa bergantung kepada keperluan (melibatkan politik), ada masa bahasa itu diperlukan, ada pula masanya diabaikan; bergantung kepada sekitaran atau manusia lain di sekeliling pengguna itu.

Yang jelas, ada dua macam pengguna bahasa Melayu, iaitu pertama: **pengguna khusus** iaitu pengguna bahasa Melayu yang berkepentingan langsung dengan bahasa itu, termasuk guru bahasa, pelajar bahasa, pensyarah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai alat penyampai syarahannya, wartawan suratkhbar Melayu, juruhebah dan penyampai rancangan berbahasa Melayu menerusi radio dan tv, sasterawan dan budayawan yang menghidangkan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu.

Pengguna golongan kedua ialah **pengguna umum** iaitu pengguna yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa perhubungan. Golongan ini terdiri daripada ibu bapa dan datuk nenek Melayu yang hanya tahu berbahasa Melayu. Orang bukan Melayu yang tak tahu berbahasa Inggeris atau bahasa orang yang dilayannya bertutur. Golongan kedua ini biasanya menggunakan "bahasa Melayu rendah" iaitu bukan bahasa sekolah — bukan bahasa baku.

Antara pengguna golongan pertama, mungkin ada yang berminat dan mencintai bahasa Melayu serta bercita-cita mengekal dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu itu sehingga setanding dengan bahasa Melayu yang digunakan di negara-negara jiran; tetapi tidak mustahil ada antara

mereka yang menggunakan bahasa itu untuk lulus peperiksaan atau untuk mengimbangi pendapatan yang diraih daripada penggunaan bahasa itu. Maka sikap pengguna bahasa yang demikian itu perlu ditingkatkan sehingga timbul kesedaran yang menampilkan minat dan kecintaannya terhadap bahasa.

Pengguna golongan kedua pula ternyata peluang baginya untuk meninggikan pengetahuan bahasanya kurang terbuka. Pengetahuan bahasa mereka harus dipertingkat kalau penggunaan bahasa Melayu yang betul di kalangan mereka mahu ditingkatkan. Tanpa pengetahuan bahasa yang memadai mustahil seseorang itu akan dapat menggunakan bahasa Melayu yang betul! Membukakan peluang kepada mereka untuk mempelajari bahasa secara formal, rasanya, agak sukar. Masalahnya, bagaimanakah boleh kita bantu mereka untuk menguasai bahasa Melayu yang betul supaya boleh mereka gunakan bahasa Melayu yang betul itu!

Mungkin nilai, kecintaan dan sikap pengguna bahasa akan meningkat naik jika nilai bahasa — dari segi status, keperluan dan nilai ilmu, sosial, budaya dan ekonominya meningkat naik.

Dari segi peningkatan kegunaannya sebagai bahasa yang berfungsi di segala bidang, memang tidak perlu diragui memandang kepada kemampuan bahasa Melayu digunakan untuk menimba ilmu, menguruskan ekonomi dan menadbirkan negara di negara-negara jiran. Keadaan kita di sini lain halnya. Kita mempelajari ilmu menerusi bahasa Inggeris, menadbirkan negara dengan bahasa Inggeris, mengurus dan memajukan ekonomi dengan bahasa Inggeris juga. Maka dalam hal yang demikian, bahasa Melayu di sini sukar untuk dibandingkan dengan bahasa Melayu yang digunakan di negara-negara jiran. Bahasa Melayu tidak berpeluang menerobos lapangan-lapangan yang tersebut tadi.

Sesuai dengan cita-cita negara, bahasa-bahasa ibunda (termasuk bahasa Melayu) yang dikenal sebagai bahasa kedua itu dihidup dan diperkembangkan sehingga bahasa itu mampu digunakan untuk melestarikan tradisi dan budaya, maka sejauh-jauh yang dapat dipertingkatkan bahasa Melayu itu ialah sehingga ia mencapai matlamatnya (mengekalakan warisan, tradisi dan budaya Melayu) mengekalakan identiti Melayu. Maka sekiranya penggunaan bahasa Melayu dari golongan pertama dan kedua sudah

dapat menggunakan bahasa Melayu yang baik, yang betul seperti yang ditentukan tatabahasa atau peribahasa, rasanya, matlamat peningkatan penggunaan bahasa Melayu itu sudahlah tercapai.

Kecuali sekiranya akan tiba masanya kelak bahasa keperluan penggunaan bahasa Melayu itu sekonyong-konyong berubah, mahu tidak mahu, tindak tanduk peningkatannya harus diubah pula, sesuai dengan keperluan perubahan itu.

PENGLIBATAN GURU DAN MASYARAKAT

Penglibatan guru dan masyarakat dalam meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul tidak dapat dielakkan. Kedua-dua golongan manusia itu mempunyai peranannya masing-masing untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Bagaimanapun, keduanya haruslah sentiasa bersefahaman dan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama; tanpa kerjasama yang menyeluruh antara mereka pasti keinginan hendak melihat penggunaan bahasa Melayu yang betul itu akan merupakan satu impian belaka!

Guru ialah golongan yang dianggap tahu akan bahasa yang betul dan yang tak betul. Peranan guru ialah memberitahu, mengajar dan mendidik masyarakat supaya menggunakan bahasa yang betul; manakala masyarakat ialah golongan terbesar pengguna bahasa yang diajarkan guru. Ada kalanya guru itu sendiri tergolong dalam masyarakat; demikian akasnya, ada pula anak masyarakat yang tergolong guru.

Dalam masyarakat guru terdapat dua wajah guru. Wajah pertama ialah guru yang dipanggil "Cik Gu". Cik Gu ialah gelar kekerjayaan atau profesi bagi orang yang mengajar mengikut disiplin tertentu. Cik Gu mengajarkan bahasa yang sudah ditentukan oleh sukatan pelajaran. Cik Gu mengajar dalam jangka masa yang tertentu. Cik Gu dibayar gaji yang tertentu kerana mengajar. Cik Gu ada cuti dan ada pencen. Guru mengajar muridnya tidak tertakluk kepada disiplin yang mengikat Cik Gu. Guru mengajar, memberitahu, menasihati dan mendidik murid tak kira masa atau tempat. Guru mengajar selagi dia tidak tidur. Pelajaran yang diajar tidak mengikut sukatan pelajaran; guru mengajar apa yang mahu murid pelajari. Guru tak

ada cuti; tak ada gaji; tak ada pencen. Guru dalam wajah kedua ini jarang dipanggil Cik Gu.

Bagaimanapun, dalam mendidik masyarakat supaya menggunakan bahasa Melayu yang betul, kedua-dua golongan dan cik gu itu harus sama-sama bertanggungjawab. Cik gu boleh jadi guru di luar waktu kerjanya; dalam masa cutinya, apalagi apabila cik gu itu sudah pencen! Guru boleh menerima kedatangan anggota masyarakat yang memerlukan bantuan segera untuk membetuli kesilapan penggunaan bahasa; guru boleh pula mendatangi masyarakat untuk menawarkan bantuan itu.

Akan masyarakat itu banyak pula macamnya. Keluarga ialah unit masyarakat yang terkecil tetapi terakrab (terdekat). Lebih besar dari keluarga ialah masyarakat kejiranan atau komuniti. Kemudian masyarakat kesosialan yang berupa kumpulan orang sama ada yang senasib atau yang sekegiatan; akhirnya barulah masyarakat kenegaraan. Oleh kerana masyarakat kesosialan dan masyarakat kenegaraan itu merupakan masyarakat berorganisasi, maka dalam hal **meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul** itu bolehlah digiatkan secara berancang. Bantuan cik gu-cik gu boleh didapatkan untuk melaksanakan rancangan itu. Bagi masyarakat yang tidak berorganisasi seperti keluarga dan kejiranan, maka kenalah para guru menggunakan kebijaksanaan dan kebistariannya menggalak, mendorong dan membimbing masyarakat itu sehingga mereka boleh menggunakan bahasa yang betul dengan baik.

Masyarakat pengguna bahasa itu eloklah digalakkan supaya rajin berjinak-jinak dan sentiasa (seberapa yang terdaya) menyertai atau mengikuti kegiatan-kegiatan bahasa yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan. Dengan demikian, walaupun secara beransur-ansur, mereka akan dapat menimba pengetahuan dan pengalaman menggunakan bahasa yang betul.

Antara guru yang tidak disebut cik gu ialah para pemimpin masyarakat yang kerap membuat ucapan apabila berdepan dengan kepimpinnya. Slogan "kepimpinan menerusi teladan" itu sangat sesuai diamalkan. Pemimpin harus bertutur dengan bahasa yang supaya para kepimpinnya dapat mengambil teladan — kalau si kepimpin itu tak dapat mengutip isi ucapannya sekalipun, setidaknya, kepimpinnya akan mencontohi

penggunaan bahasa yang betul yang digunakan pemimpin tadi.

Peranan suratkhobar, radio, tv dan lain-lain media massa sebagai guru yang mendidik masyarakat pembaca, pendengar dan pirsawan tidaklah boleh dianggap kecil. Tiap ayat yang dituliskan wartawan di suratkhabarnya; tiap wacana yang diucapkan juruhebah dan penyiar di radio dan tv menjadi model kepada pengguna umum. Maka mereka wajib sentiasa menggunakan bahasa yang betul, jitu lagi sempurna supaya pembaca, pendengar dan pirsawan sekalian turut menggunakan bahasa yang betul.

Pembiasaan menggunakan bahasa Melayu yang betul, janganlah hanya digunakan dalam majlis-majlis rasmi (majlis kuliah, ceramah dan sebagainya) sahaja, tetapi di mana-mana dan apabila peluang terbuka (di gerai makan, di meja dam, di tempat orang berkumpul menyaksikan burung-burung menyanyi di dalam sangkar dan lain-lain) penggunaan bahasa Melayu yang betul eloklah dibiasakan.

Elok juga kalau seminggu sekali dapat bertemu ke rumah jiran atau berkumpul dengan anggota keluarga mengamalkan kegiatan belajar-mengajar bahasa secara tak formal untuk membiasakan diri menggunakan bahasa Melayu yang betul. Belajar-mengajar itu tidak perlu rasmi-rasmian; yang penting ialah bahawa tiap anggota masyarakat beroleh peluang seluas mungkin untuk membetuli kesilapannya sendiri sambil membantu teman-teman yang secara tak sengaja ataupun kerana terlupa telah melakukan kesalahan dalam pertuturannya.

Jika dapat, lagu "**bahasa menjunjung budaya**" yang dinyanyikan waktu pembukaan dan penutup Bulan Bahasa 88 itu eloklah dipopularkan dalam kalangan masyarakat; setidaknya, lagunya itu akan menolong menggugah kesedaran pengguna bahasa supaya menggunakan bahasa Melayu yang betul sambil menyemaikan semangat cintakan bahasa dan budaya ibunda ke dada tiap anggota masyarakat kita.

Sekian.

Wabillahit-Taufik wal-Hidayah..

BAHASA MENJUNJUNG BUDAYA Senikata: Hj. M. Ariff Ahmad
Nyanyai: Abdullah Lamat

Ma-ri bong - sa ku mari seuda - ra, Ki ta gu - na kan bahasaton
da, Se ba - gai li - dah penggu - gah ra sa, Cinta ba - ha sa cinta buda-
ya, De mi cin - ta ke pada bu da - ya, Ki ta per - na tar ba ha sa bon
da, Ba ha - sa ma ju bu da - ya jo - ya, Maru ah bong - sa ter pe li ha
ra Cin ta i - lah ba ha sa i - bun - da, Cin ta i - lah bu daya pu sa
ka, Ba ha sa yang men - junjung bu da - ya, Bu daya ni - lai maru ah bong
sa

BAHASA MENJUNJUNG BUDAYA

Mari bangsaku mari saudara
kita gunakan bahasa bunda
sebagai lidah penggugah rasa
cinta bahasa cinta budaya.

Demi cinta kepada budaya
kita pernatar bahasa bunda
bahasa maju budaya jaya
maruah bangsa terpelihara!

korus

Cintailah bahasa ibunda
cintailah budaya pusaka
bahasa yang menjunjung budaya
budaya nilai maruah bangsa!

Lagu: Abdullah Lamat
Senikata: Muhammad Ariff Ahmad

SOSIOLINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA*

oleh: Dr Asim Gunarwan
Universiti Indonesia/RELC

1. PENGANTAR

Tahun 1960-an ditandai dengan ramainya pengkajian-pengkajian bahasa dalam konteks sosial. Pengkajian-pengkajian seperti itu dipanggil pengkajian-pengkajian sosiolinguistik, dan bidang ilmu "baru" yang membahas atau meninjau bahasa sebagai fenomena sosial dan kultural itu dipanggil ilmu sosiolinguistik atau, secara singkat, sosiolinguistik sahaja. Kerana sosiolinguistik itu membahas masalah bahasa dalam konteks sosialnya, boleh kita katakan bahawa sosiolinguistik itu merupakan

* Kertas kerja ini pernah disampaikan dalam Seminar Pengajaran Bahasa Melayu, anjuran Unit Bahasa Melayu Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran dan Jawatankuasa Pusat Guru-guru Bahasa Melayu

perpaduan ilmu-ilmu sosial (terutama sosiologi) dengan ilmu bahasa (linguistik). Pokok bahasanya adalah bahasa, manakala metodologinya sebahagian besar adalah metodologi yang dipakai dalam ilmu-ilmu sosial. Kerana pokok bahasanya adalah bahasa, sosiolinguistik adalah cabang linguistik, berbeza dengan sosiologi bahasa (*sociology of language*), yang merupakan cabang sosiologi.

Sebagai bidang ilmu, yang merupakan bidang antardisiplin (*inter-disciplinary*), sosiolinguistik memanglah masih baru: baru berumur dua puluh tahunan. Tetapi tidaklah benar jika dikatakan bahawa konsep sosiolinguistik, iaitu yang berkaitan dengan bahasa dalam konteks sosial dan kulturalnya, baru timbul pada dasawarsa 1960-1970. Konsep sosiolinguistik sudah ada sejak jolong-jolong kali manusia melihat bagaimana sebenarnya bahasa dipakai dalam masyarakat, sejak manusia menghubungkan ujaran (*utterance*) dengan makna sosial (*social meaning*). Pada 1935 pun Firth, tokoh linguistik dari Aliran London (*London School*) itu, telah mencetuskan istilah **sociological linguistics** yang, dilihat dari nama itu, dapat kita duga bahawa pokok bahasanya adalah termasuk dalam pokok bahasan sosiolinguistik masa kini.

2. LINGUISTIK DAN SOSIOLINGUISTIK

Sosiolinguistik dapat kita panggil sebagai anak linguistik. Sebagaimana anak dan ibu, tidaklah selalu terdapat persamaan-persamaan di antara kedua-duanya. Daripada perbezaan-perbezaan antara linguistik dan sosiolinguistik, ada dua yang mustahak. Perbezaan yang pertama terletak pada bagaimana kedua-duanya melihat bahasa. Linguistik melihat bahasa sebagai sistem yang homogen (*homogenous*) atau monolit (*monolithic*), seperti disiratkan oleh Chomsky (1965), misalnya, iaitu:

“Teori linguistik terutama berhubungan dengan penutur-pendengar yang ideal (*ideal speaker-hearer*) dalam masyarakat bahasa yang benar-benar homogen, yang mengetahui bahasanya secara sempurna . . .”

Sebaliknya, sosiolinguistik tidak melihat bahasa sebagai yang monolitik. Bahasa menurut sosiolinguistik adalah sistem yang heterogen, yang terdiri daripada ragam-ragam (*varieties*), dan tiap-tiap ragam bahasa tidaklah

timbul pada peringkat **performance** belaka. Ragam bahasa berfaku atau terjadi kerana adanya perbezaan-perbezaan pada pengguna atau penuturnya, iaitu perbezaan-perbezaan yang timbul kerana perbezaan daerah (**region**), kelas sosial, jantina, usia, dan sebagainya.

Perbezaan yang kedua antara linguistik dan sosiolinguistik ialah bahwa linguistik melihat bahasa sebagai suatu sistem yang tertutup, manakala sosiolinguistik melihat bahasa sebagai suatu sistem yang terbuka. Ertinya, linguistik menganalisis bahasa (wacana atau *discourse*, ayat/kalimat, dan sebagainya) terlepas daripada faktor-faktor nonlinguistik, manakala sosiolinguistik meninjau bahasa dengan mempertimbangkan faktor-faktor sosial. Dengan perkataan lain, sosiolinguistik melihat adanya interaksi di antara bahasa, latar, peserta, dan topik. Jadi, jika linguistik menelaah suatu ujaran terlepas dari siapa yang mengucapkannya, di mana, dan tentang apa, maka sosiolinguistik justeru memasalahkanannya. Sosiolinguistik meninjau ujaran itu menurut identiti sosial penuturnya (sama ada ia dari kelas menengah atau dari kelas pekerja, terpelajar atau tidak, pria atau wanita, dsb.); menurut di mana ujaran itu berlaku (di tempat rasmi atau bukan, di tempat am atau di tempat pribadi); dan menurut tajuk peristiwa pertuturan (*speech event*) (sains atau bukan, dsb.). Dari sini dapat kita katakan bahawa secara mudah sosiolinguistik itu adalah bidang ilmu yang mempelajari *who speaks (or writes) to whom, when (and where), how and why*. Berbeza dengan linguistik, yang membahas bahasa secara statik, sosiolinguistik mengkaji bahasa secara dinamik.

Daripada kedua-dua perbezaan di atas, dapat kita simpulkan bahawa linguistik hanyalah membahas struktur bahasa (*language structure*) sahaja; sosiolinguistik hanyalah membahas struktur bahasa, tetapi lebih daripada itu: sosiolinguistik juga mencuba menerangkan bagaimana wujud struktur bahasa berdasarkan konteks sosial bahasa. Dengan kata lain, sosiolinguistik mencuba mencari sama ada struktur bahasa itu mempunyai korelat sosial (*social correlates*). Salah satu dasar (*foundation*) sosiolinguistik adalah bahawa perilaku bahasa (*linguistic behaviour*) itu merupakan bahagian daripada perilaku sosial (*social behaviour*), dan kerana itu perbezaan sosial tercermin pula pada pemakaian bahasa.

3. KEANEKARAGAMAN BAHASA

Di atas dikatakan bahwa dari cermin mata sociolinguistik, bahasa itu terdiri daripada bermacam-macam ragam. Istilah *ragam* di sini saya pakai sebagai terjemahan istilah bahasa Inggeris *variety*, dan ia bermakna am serta neutral. Istilah *ragam* atau *variety* ini dapat kita pakai menurut berbagai macam dimensi.

Menurut dimensi negara atau *nation*, bahasa kita klasifikasi menjadi ragam-ragam dengan spesifikasi nama negara yang bersangkutan. Misalnya, bahasa Inggeris menurut dimensi ini adalah terdiri daripada Ragam Amerika (*American Variety*), Ragam Britania (*British Variety*), Ragam Australia (*Australian Variety*) dsb. Untuk bahasa Melayu, menurut dimensi ini kita mengenal Ragam Singapura, Ragam Malaysia, Ragam Brunei, dan Ragam Indonesia. Jadi pada peringkat negara ini, istilah *ragam* itu dipakai secara khas, dan ia tidak hanya merujuk atau mengacu kepada ragam asli (*native variety*) sahaja, tetapi juga merujuk kepada ragam tak asli (*non-native variety*), seperti misalnya Bahasa Inggeris Filipina, Bahasa Inggeris India, dsb.

Menurut dimensi daerah atau kawasan (*region*) dalam suatu negara, bahasa terdiri daripada ragam daerah (*regional variety*) yang biasanya dipanggil dialek tempatan (*regional/local dialect*), atau, lebih am, dialek sahaja. Biasanya, terutama dahulu, di antara dua buah dialek jiran terdapat pembatas alami, seperti sungai besar atau barisan gunung. Dalam hak dialek ini, di Indonesia terdapat misalnya dialek Melayu Jakarta, dialek Melayu Ambon, dan dialek Melayu Manado. Di Semenanjung Malaysia kita mengenal dialek Kelantan dan dialek Johor, untuk menyebutkan dua sahaja. Bahasa Melayu Singapura (atau lebih tepat Ragam Melayu Singapura) barangkali tidak mempunyai dialek-dialek tempatan, mengingat bahwa jaringan komunikasi (*communication network*) masyarakat di republik ini pekat sekali.

Ragam bahasa tidak saja terbatas pada ragam horizontal (menurut daerah) seperti di atas. Dalam suatu masyarakat bahasa, bahasa juga beragam menurut dimensi vertikal, iaitu kelas sosial. Ragam bahasa menurut dimensi ini biasanya disebut atau dipanggil dialek sosial atau, lebih singkat, sosiolek (*sociolect*). Sosiolek yang paling tinggi boleh juga dipanggil akrolek (*acrolect*), manakala yang paling rendah boleh disebut

basilek (*basilect*). Di antara akrolek dan basilek terdapat mesolek, yang jumlahnya (terutama pada bahasa yang sedang mengalami dekreolisasi) lebih daripada satu. Tampaknya, adanya *U-speech* dan *Non-U speech* di Negeri Inggeris adalah disebabkan beragamanya Bahasa Inggeris secara vertikal ini.

Bahasa juga beragam menurut gaya (*style*). Adalah Martin Joos (1968) yang mengkaji bahasa Inggeris Amerika menurut gayanya dan yang menyimpulkan bahwa dalam Ragam Inggeris Amerika itu terdapat lima gaya bahasa: beku (*frozen*), rasmi (*formal*), konsultatif (*consultative*), santai atau selesa (*casual*), dan intim (*intimate*). Sama ada dalam bahasa-bahasa juga terdapat lima ragam stilistik (*stylistic varieties*) itu, hal itu perlu dikaji. Tetapi agaknya salah jika dikatakan bahwa sekurang-kurangnya setiap bahasa mempunyai dua ragam stilistik, iaitu ragam rasmi (*formal*) dan ragam tak rasmi (*informal*), dan bahwa masing-masing dipakai menurut situasi rasmi dan situasi tidak rasmi.

Pemakaian ragam stilistik pada situasi yang sebenar tidaklah terpisahkan daripada bidang wacana (*field of discourse*) dan mod wacana (*mode of discourse*). Bidang wacana boleh berupa sains atau nonsains (misalnya sastra), dan bidang sains dapat dibahagi lagi menjadi subbidang fizik, biologi, ilmu kimia dan seterusnya. Menurut mod wacana dapat kita bezakan bahasa lisan atau bahasa ucap (*spoken language*) dan bahasa tulis (*written language*). Konstalasi mod wacana, bidang wacana dan ragam stilistik itulah yang membentuk apa yang dipanggil Halliday dkk (1964) sebagai *register*. Dengan perkataan lain, *register* itu ialah ragam bahasa yang terjadi kerana interaksi di antara bidang wacana, mod wacana, dan ragam stilistik. Pada amnya, *register* itu tertakluk kepada latar (*setting*).

Di samping ragam bahasa menurut negara, daerah, kelas sosial, gaya, dan latar itu, terdapat pula ragam bahasa menurut jantina, umur, kaum atau etnisiti, dan standardisasi. Menurut yang terakhir itu, kita membezakan ragam bahasa baku atau standard (atau, lebih singkat, bahasa standard) dari ragam bahasa substandard. Kenyon (1948) membedakan bahasa standard dan bahasa substandard itu berdasarkan peringkat kultural (*cultural levels*). Bahasa substandard Kenyon berada pada peringkat rendah dan ditandai oleh tutur (*speech*) atau tulisan yang tidak terpelajar (*illiterate*), penggunaan dialek tempatan yang sempit, ketidakgramatikan, penggunaan *slang*, dsb.

Sebaliknya, bahasa standard adalah (ragam) bahasa pada peringkat tinggi dan ditandai oleh tutur atau tulisan yang "berbudaya" (*cultivated*), gramatikal, jelas, dsb. Perlu dicatat di sini bahawa pada amnya sosiolinguistik lebih suka memakai istilah bahasa substandard. Ini adalah kerana prefiks *sub*-dapat mempunyai implikasi negatif, manakala prefiks *non*-terbebas dari implikasi itu.

4. KOMPETENSI KOMUNIKATIF

Perbezaan antara bahasa baku dan bahasa subbaku seperti dikatakan Kenyon di atas adalah didasarkan terutama pada kegramatikan suatu ujaran. Masalahnya adalah: apakah (sama ada) kegramatikan itu adalah satu-satunya tolok ukur atau tidak benarnya serta baik atau tidak baiknya suatu ujaran. Jawapan pertanyaan ini jelas *tidak*. Keberterimaan (*acceptability*) suatu ujaran juga diukur dengan hal-hal lain, yang salah satunya adalah kesesuaian (*appropriateness*). Kesesuaian ini merujuk kepada pertanyaan: sesuaikah ragam bahasa yang kita pakai itu dengan situasi yang ada. Adalah tidak sesuai memakai ragam selesa (*casual*) pada situasi rasmi (misalnya upacara kenegaraan). Demikian pula sebaliknya, adalah tidak sesuai jika kita memakai ragam rasmi untuk berbual-bual dengan kawan pada situasi santai.

Kedua aspek itu, iaitu kegramatikan dan kesesuaian, merupakan bahagian daripada kompetensi komunikatif (*communicative competence*). Dua aspek yang lain adalah pemunculan (*occurrence*) dan kemungkinan (*feasibility*). Keempat-empat aspek kompetensi komunikatif itu menurut Hymes (1971) dapat dirinci sebagai berikut:

1. Sama ada (dan sehingga mana) sesuatu itu mungkin dalam hal bentuk (*formally possible*);
2. sama ada (dan sehingga mana) sesuatu itu sesuai (memadai, patut) dalam hubungannya dengan konteks di mana ia dipakai;
3. sama ada (dan sehingga mana) sesuatu itu dilakukan dengan se-benar, dan apakah akibat daripada dilakukannya sesuatu itu; dan
4. sama ada (dan sehingga mana) sesuatu itu *feasible* dilihat dari segi alat implementasi yang ada.

Pada asasnya, keempat-empat aspek kompetensi komunikatif itu dapat diperas menjadi tiga macam kompetensi, iaitu kompetensi linguistik (*linguistic competence*), kompetensi sosial (*social competence*), dan kompetensi psiko-fisikal (*psycho-physical competence*). Seseorang boleh dikatakan telah memiliki kompetensi komunikatif jika dan bila ia telah memiliki ketiga-tiga macam kompetensi itu. Dalam hal ini ia boleh dikatakan menguasai kaedah-kaedah linguistik (*linguistic rules*) dan kaedah-kaedah bercakap (*speaking rules*). Orang seperti itu telah memiliki: (1) pengetahuan dan keterampilan (*skill*) bahasa yang meliputi unsur-unsur verbal, unsur-unsur nonverbal, pola-pola unsur-unsur itu dalam peristiwa pertuturan (*speech event*), tebaran (*range*) varian-varian yang ada, serta makna varian-varian itu pada situasi tertentu; (2) keterampilan interaksi, yang antara lain meliputi norma interaksi dan interpretasi, strategi untuk mencapai tujuan; dan (3) pengetahuan kebudayaan penutur bahasa yang bersangkutan, iaitu struktur sosial, nilai dan sikap, peta kognitif, dsb. (Saville-Troike, 1982: 25-26). Orang seperti itu telah dapat berkomunikasi secara efektif dalam bahasa yang ia pelajari itu.

5. PENGAJARAN BAHASA: BEBERAPA IMPLIKASI

Ada tiga keputusan (*decisions*) yang kita mesti ambil jika kita akan merancang suatu program pengajaran:

1. Keputusan mengenai isi (*content*) program pengajaran itu. Pada dasarnya, isi ini membabit disain silabus dan dalam hal ini kita boleh memilih sama ada silabus itu akan berupa silabus struktural, yang berasaskan tatabahasa (*grammar-based*); silabus semantik, yang lazim dipanggil silabus nosional-fungsional; atau silabus komunikatif, yang berasaskan tugas (*task-based*). Tentu saja perlu dipertimbangkan pula sama ada program pengajaran bahasa itu program pengajaran bahasa pertama atau silabus program pengajaran bahasa kedua/asing. Bagaimanapun, sosiolinguistik dapat memberikan masukan (*input*) untuk bahan pertimbangan memilih disain silabus ini. Terlepas sama ada motivasi pembelajaran bahasa itu adalah instrumental atau integratif, dan terlepas pula sama ada bahasa itu diajarkan sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua, sosiolinguistik cenderung menyarankan agar disain silabus itu komunikatif.

2. Keputusan mengenai pemilihan ragam yang akan dipakai atau diajarkan. Hal ini menyangkut dua dimensi ragam bahasa, iaitu dimensi peringkat kultural dan dimensi gaya bahasa. Yang pertama berkaitan dengan bahasa standard atau baku mana yang akan dipakai atau diajarkan itu. Untuk pengajaran bahasa Melayu di Singapura, misalnya, boleh ditempuh cara *endonormatif*, dalam erti bahwa bahasa standard itu ditentukan berasaskan ciri-ciri khusus bahasa Melayu Singapura sendiri. Atau boleh juga ditempuh cara *eksonormatif*, iaitu dengan memakai tolok ukur pembakuan yang dipakai di negara lain, misalnya di Malaysia. Yang kedua berkaitan dengan ragam-ragam stilistik mana yang akan diajarkan. Sudah tentu, yang pertama-tama mesti dijawab adalah ada berapa macam ragam stilistik dalam bahasa itu. Setelah pertanyaan itu terjawab, dapatlah kita tentukan sama ada kesemuanya akan diajarkan satu atau dua sahaja. Penentuan ini dapat diambil dengan mempertimbangkan motivasi pembelajaran seperti disebutkan di atas.
3. Keputusan mengenai bagaimana mengajarkan bahasa yang bersangkutan ini berkaitan dengan metodologi, dan sosiolinguistik tidak banyak memberikan masukan dalam hal ini. Yang dapat memberikan banyak tilikan (*insight*) adalah ilmu jiwa belajar (*psychology of learning*), psikolinguistik, dan linguistik terapan (*applied linguistics*) seperti analisis kontrastif dan analisis kesalahan (*error analysis*). Namun demikian, sosiolinguistik akan cenderung menyarankan agar dipakai pendekatan komunikatif (*communicative approach*), dengan mengurangkan kuantiti "*teacher talk and chalk*" dan menekankan aktiviti komunikatif di dalam kelas. Dari sudut pandang sosiolinguistik, bahasa mestilah dipelajari dalam konteks sosial dan kulturalnya, dan tujuannya adalah penguasaan kompetensi komunikatif, bukan sekadar kompetensi linguistik.

RUJUKAN

1. Chomsky, Noam. 1965. *Aspects of the theory of syntax*. Cambridge, Mass.: M.I.T. Press.
2. Halliday, M.A.K., McIntosh, A. and Stevens, P. 1964. *The linguistic sciences and language teaching*. London: Longmans, Green and Co.
3. Hymes, Dell H. 1971. On communicative competence. Dalam *Sociolinguistics*, suntingan J.B. Pride dan Janet Holmes. Middlesex, England: Penguin Books Ltd.
4. Joos, Martin. 1968. The isolation of style. Dalam *Readings in the sociology of language*, suntingan J.A. Fishman. The Hague: Mouton.
5. Kenyon, John S. 1948. Cultural levels and functional varieties of English. *College English*, 1031-36 (October).
6. Saville-Troike, Muriel. 1982. *The ethnography of communication*. Oxford: Basil Blackwell.

PENGARUH BAHASA ARAB DALAM BAHASA MELAYU

oleh: Haji Abbas Mohd Shariff

Abad ketiga belas dan empat belas merupakan zaman surutnya pengaruh peradaban Hindu dan berkembangnya pengaruh peradaban Islam di Nusantara ini. Islam merupakan suatu anasir yang dinamis yang membawa unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme ke dalam penghidupan masyarakat di rantau ini. Pertembungan nilai-nilai Islam dalam masyarakat yang sudah bersemarak dengan nilai-nilai warisan Hindu-Buddha telah mengakibatkan mereka bersikap fatalis terhadap hidup, kini menghadapi suatu pergolakan dalam peringkat peralihan Hindu-Islam. Hasil-hasil zaman Hindu mendapat bentuk dan pewarnaan baru dalam peringkat permulaan perkembangan Islam.

Profesor Mohd. Taib Osman telah merumuskan teori-teori Profesor Cesar Adib Majul,⁽¹⁾ seorang sarjana Islam di Filipina mengenai kemasukan dan perkembangan Islam ke Alam Melayu kepada enam corak: "*Pertama, ialah teori yang dihubungkan dengan perdagangan; kedua, ialah teori*

bahawa agama Islam telah disebarkan oleh pengembang agama, terutama oleh ahli-ahli Sufi dan kumpulan tarikat; ketiga ialah teori bahawa Islam berkembang kerana dorongan politik akibat persaingan antara kuasa-kuasa Islam tempatan dengan yang masih belum Islam; keempat, menekankan peranan raja-raja; kelima, menegaskan kelebihan ideologi agama Islam; dan keenam, ialah teori yang menekankan penentangan kepada kuasa-kuasa Kristian, iaitu Portugis dan Sepanyol. Tidak syak lagi berbagai faktor telah memainkan peranannya masing-masing dalam perkembangan agama Islam di kalangan penduduk-penduduk di wilayah Nusantara ini."

Perkembangan Agama Islam makin meluas bukan sahaja berjaya mempengaruhi golongan pemerintah, tetapi telah menyerapi segala peringkat penduduk di mana ia berkembang. Walaupun pengajaran Islam tidak mendalam sebab pengaruh Hindu-Buddha yang sudah bertapak dengan kukuhnya tetapi ia berjaya membawa transformasi kebudayaan.

Struktur sosial zaman Hindu-Buddha tidak dapat diperkekalkan lagi. Raja tidak lagi dihubungkan dengan kuasa-kuasa ghaib. "*Ketatanegaraan lebih mementingkan unsur kemanusiaan yang berlandaskan pemikiran rasional dan tauladan.*"⁴²⁾ Ideologi Islam memberi kedudukan tertentu kepada individu. Struktur yang berkasta-kasta tidak mendapat tempat lagi.

Pengembang-pengembang agama Islam yang datang dari India telah memberi satu corak yang baru kepada agama Islam kesan dari pertembungan dengan peradaban Hindu-Buddha. "*Pergerakan-pergerakan sufi dan kepercayaan-kepercayaan yang kurafat merupakan bukan sahaja antara unsur-unsur yang diterima daripada mereka yang datang daripada benua India dan Parsi, bahkan merupakan hasil sincretisma dalam pertembungan dengan kepercayaan-kepercayaan tempatan.*"⁴³⁾

Sejarah menyatakan bahwa Marco Polo telah melawat Sumatera Utara pada 1292; agama Islam telah meluas ke Melaka dan ke Aceh. Para sarjana telah mengisahkan dengan panjang lebar tentang tiga zaman kemuncak Islam di Nusantara ini.

1. Prof. Cesar Adib Majul, "Theories on the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia," The International Association of Historians of Asia, Second Biennial Conference Proceedings, Taipei, 1962.

2. Prof. Mohd. Taib Osman, "Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia", Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, K.L. 1974 halaman 22.

3. Ibid, halaman 23.

Kajian sejarah kesusasteraan klasik akan menunjukkan bagaimana unsur-unsur Hindu diperkenalkan pada peringkat permulaan perkembangan Islam dan kemudian digantikan sebahagiannya dengan unsur-unsur Islam. Sistem tulisan Jawi yang diperkenalkan dengan pengaruh Islam ini telah mengembangkan kesusasteraan agama, iaitu mengenai ajaran-ajaran tentang hukum-hukum dan kepercayaan agama serta juga mengisahkan perjuangan tokoh-tokoh Islam. Dengan demikian kata-kata Arab masuk ke dalam bahasa Melayu terutamanya perkataan-perkataan yang berhubung dengan agama, politik, falsafah, moral dan lain-lain yang masuk untuk memperkayakan bahasa tersebut.

Setelah meninjau keadaan sejarah dan sosial dalam zaman tersebut di rantau ini dalam konteks perkembangan bahasa Melayu, kajian seterusnya akan memberi pandangan yang lebih jelas mengenai perubahan-perubahan yang berlaku akibat kesan yang diterimanya.

PENGAMBILAN KATA-KATA BAHASA ARAB

Di negara kita ini terdapat beberapa buah kamus kata-kata pinjaman bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Tiga buah kamus memberikan bayangan bahawa bilangan kata-kata pinjaman ini dianggarkan di antara 1,700 hingga 2,000 patah perkataan. Kamus⁴⁴⁾ tersebut ialah:

1. *Kamus al-Hamid* oleh Abd. Hamid B. Ahmad – 2,000 patah perkataan.
2. *Guguskata Arab-Melayu* oleh Muhammad Said – 1,725 patah perkataan.
3. *Kamus istilah* oleh Muhd. Sanusi Hj Mahmood – 2,000 perkataan.

Jadual berikut menunjukkan bilangan kata-kata pinjaman, bahasa Arab dalam berbagai-bagai perbendaharaan kata dan kamus:

Perbendaharaan Kata/Kamus	Tahun	Bilangan Kata
Perbendaharaan Kata Howison	1801	150
Kamus Melayu-Inggris (Jawi)	1901	1400
Perbendaharaan Kata Shellabear	1902	385
Perbendaharaan Kata Swettenham	1910	219

4. Dr M.A.J. Beg, *Arabic Loan Words in Malay*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, h.5.

Perbendaharaan Kata Winstedt-Linggi	1921	1001
Kamus Winstedt	1952/1964	892
Kamus Dewan (T. Iskandar)	1970	1100
Kamus Kadir at. al.	1975	1125

Sudarno^[5] telah memetik keterangan daripada sumber untuk menghuraikan "Ejaan yang disempurnakan dalam penulisan kata-kata bahasa Arab". Kedua-dua sumber itu ialah:

- (i) Lembaga Penelitian Ilmu Agama dan Kemasyarakatan IAIN, Sjarif Hidajatullah, Djakarta.

Lembaga ini meneliti kata-kata dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (W.J.S. Poerwadarminta, Balai Pustaka, Djakarta, 1966). Kata yang berasal daripada bahasa Arab dikumpulkan dalam suatu daftar, disertai kata aslinya dalam bahasa Arab dan ditulis dengan huruf Arab. Daftar itu memuat 2,336 kata.

- (ii) Russel Jones, School of Oriental and African Studies, University of London.

Kata-kata dalam *Kamus Umum* yang tersebut di atas dan *Malay-English Dictionary* (R.J. Wilkinson, 1932) diteliti, dan kata-kata dinyatakan sebagai kata yang berasal dari bahasa Arab atau bahasa Parsi, dikumpulkan dalam suatu daftar. Daftar itu memuat kira-kira 2,500 kata.

Kalau kata-kata dalam kedua-dua daftar itu diteliti, akan segera tampak bahawa banyak kata yang sebenarnya satu, tetapi tulisannya (juga ucapannya) ada beberapa jenis. Sebagai contoh misalnya: *korban* dan *kurban*; *Chamis* (Khamis) dan *Kamis*; *chotbah* (khotbah), *kutbah*, *kotbah* dan *ketubah*.

Perlu dinyatakan bahawa masuknya kata-kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu ada yang secara langsung dan ada yang melalui bahasa lain. Menurut J. Gonda,^[6] kata-kata seperti *ahli* dan *abdi* masuknya melalui bahasa Parsi dengan penambahan /-i/ di hujung kata-kata Arab /*ahll*/ dan /*abd*./.

5. Sudarno, IAIN Djakarta, "Ejaan yang disempurnakan dalam penulisan kata-kata bahasa Arab", Kertas Kerju Seminar Bahasa Indonesia 1972.

6. J. Gonda, *Sanskrit in Indonesia*, International Academy of Indian Culture, Nagpur, 1952, h.13.

Beberapa contoh di bawah ini menunjukkan bagaimana kata-kata Arab diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu.

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
'ilm	ilmu
fard	fardu
qalb	kalbu
thalj	salji
fahm	faham/paham
barakah	berkat
khaimah	kemah
'aqd	akad

PENYESUAIAN FONEM ARAB DALAM BAHASA MELAYU

Dalam bahasa Melayu ada 24 fonem konsonan yang dilambangkan oleh 26 huruf konsonan, termasuk *q* dan *x* bagi menulis kata atau istilah khusus dan *k* yang melambangkan fonem Arab ain dan hamzah. "Fonem bahasa Arab ada 34, terdiri daripada yang 28 konsonan, 3 vokal tunggal, 2 vokal rangkap dan satu fonem suprasegmental yang berupa tekanan panjang (*maddah*)."^[7]

Fonem bahasa Arab lazimnya digantikan dengan huruf-huruf berikut:

Fonem Arab	Lama	Contoh Pemakaian	Baru	Contoh Pemakaian
ع/ء	'	ta'	k	tak
ر		ru'yah	k	rukyah
ح	dh	hadham	d	hadam
ذ	dz	adzab	z	azab
ث	th	thalji	s	salji
س	s	sabar	s	sabar
ظ	dz	dzohor	z	zohor
ط	t	mutlak	t	mutlak
ق	Q/k	qur'an	q	quran
ك	kh	tarikh	kh	tarikh
غ	gh	maghrib	gh	maghrib

7. "Ejaan Yang Disempurnakan dalam Penulisan Kata-kata Bahasa Arab", Seminar Bahasa Indonesia, 1972, Indonesia.

Mengekalkan bentuk bunyi bahasa Arab bulat-bulat akan menyimpang daripada kehendak bahasa Melayu. Sebaliknya pula menggantikan fonem bahasa Arab dengan fonem bahasa Melayu yang hampir tepat sudah tentu akan "mencemarkan" kata-kata bahasa Arab.

Fonem-fonem Arab tidak sama dengan fonem-fonem Melayu tetapi dalam usaha meminjam kata-kata Arab fonem-fonem tersebut disalin dalam bentuk Melayu hampir sama atau dekat dengan dasar ucapan dan bunyi asalnya. Dengan demikian terbitlah transkripsi yang beraneka jenis menurut kemampuan masing-masing, baik di sini mahupun di Malaysia dan Indonesia. Ejaan Wilkinson di Malaysia yang dijadikan dasar "Ejaan Sekolah" pada tahun 1904 menerima perubahan yang diusahakan oleh Pendita Za'ba hingga beliau memperkemasnya menjadi kodifikasi yang lengkap dalam buku *Daftar Ejaan Melayu (Jawi rumi)*.

Di Indonesia pula sistem ejaan yang diusahakan oleh Klinkert diperkenalkan oleh C.A. Van Ophuysen pada tahun 1909 dalam bukunya *Kitab Loghat Melajoe* dan kemudian sistem ini banyak menerima perubahan dan lebih terkenal dengan Ejaan Soewandi. Dalam sistem ejaan Soewandi, hamzah atau ain diganti dengan huruf *k* dan ini disepakati oleh "Panitia Ejaan Bersama" dalam proses menstandardisasikan ejaan.

Jika dikaji bahasa yang digunakan oleh umat Islam di Asia dan Afrika, akan nyata bahawa bahasa-bahasa utama di negara-negara tersebut telah mengambil kata-kata bahasa Arab sebagai bahasa ibadat. Sebagai perbandingan, di bawah ini disenaraikan⁸⁾ kata-kata bahasa Arab yang telah diterima oleh bahasa-bahasa lain dengan bentuknya yang baru.

Arab, Parsi, Urdu	Turki	Swahili	Melayu
Khabar	Haber	Habari	Kabar
Waqt	Vakit	Wakati	Waktu
Sa'at	Saat	Saa	Saat
Subh	Sabah	Asabuhu	Subuh
'ilm	ilim	Elimu	Ilmu
Fikr	Fikret	Fikira	Fikir
Kitab	Kitap	Kitabu	Kitab

8. Op cit; Dr. M.A.J. Beg, h.3.

Hisab	Hesap	Hesabu	Hisab
Dukkan	Dukkan	Duka	Dukan
Hadd	Had	Hadi	Had

KEKELIRUAN AKIBAT VARIASI TRANSKRIPSI

Berikut ini diberikan beberapa contoh transkripsi huruf Arab ke Rumi yang menimbulkan berbagai-bagai masalah sebutan dan ejaan sebelum ejaan baru dilaksanakan.

i. Konsonan " ض " (dh)

Bunyi ucapan konsonan " ض " (dat ditranskripsikan ke Rumi sebagai *dh*, *d* atau *l* (sebelum standardisasikan). Dengan demikian timbullah berbagai-bagai bentuk seperti berikut:

Ramadhan	darurat	hadirin
Ramadhan	dharurat	hadhirin
Ramadan	dlarurat	hadlirin

Menurut ejaan baru: Ramadan, darurat, hadirin.

ii. Konsonan " ح " (ha) dan " خ " (Xa)

Kedua-dua konsonan Arab ini menimbulkan berbagai-bagai kesulitan sehingga transkripsinya berbentuk *hyper-correct*.

ihwal	hadis	ahlak
ehwal	hadist	akhlak
ikhwal	hadiest	ahlaq

Menurut ejaan baru: hadis, ihwal, akhlak.

iii. Konsonan " ث " (tha)

Pada mulanya konsonan tersebut mendapat transkripsi *th* dan kemudian berubah kepada *s* dan ada pula yang mengambil bunyi *sy* yang jauh menyimpang daripada huruf yang asal.

selasa	—	thalatha
senin	—	ithnain
salji	—	thalji
ikhlas	—	ikhlah
salih	—	syalih

Dalam bahasa Arab konsonan berikut: ث س ش ص berbeda bunyinya.

Ejaan baru: ث س ش ditranskripsikan dengan konsonan s sedangkan 'ش' mendapat huruf gabungan sy.

Menurut Dr. Muhammad Abdul Jabbar Beg,^[9] "..... daya yang menghidupkan bahasa Arab adalah disebabkan faktor-faktor berikut: Bahasa Arab adalah bahasa ibadat agama Islam. Bahasa Arab klasik seperti yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi dipelajari oleh umat Islam seluruh bangsa orang-orang Arab mahupun bukan Arab, di seluruh dunia. Dengan demikian bahasa Arab dengan agama Islam mempunyai pertalian yang erat. Di mana ada agama Islam di situlah adanya bahasa Arab."

BEBERAPA MASALAH DARI SUDUT GRAMATIS

i. Harakat

Walaupun kedua-dua sistem bahasa mempunyai persamaan tentang perubahan waktu dan jumlah serta pola *tasrif* dan *i'rab*, tetapi harakat ataupun irama kedua-dua bahasa mempunyai berbezaan yang nyata. Dalam bahasa Melayu, jika harakat sesuatu perkataan dipinjam, harakat hanya menggambarkan padanya dan tidak menunjukkan perbezaan maknanya. Ini berlainan sekali dalam bahasa Arab oleh sebab panjang pendek sesuatu vokal akan membawa perubahan harakatnya seperti:

'aalam	—	alam
'alam	—	bendera

ii. Kata Kerja

Tentang peminjaman kata kerja seperti 'yakni' (يعني) hafal (حفظ) dan nukil (نقل), frekuensinya tidak banyak. Kata Penyambung " و " (wau) yang bererti *dan* terdapat pada kata: *syak wasangka*. Kata lain seperti *ala* yang bermaksud *ialah* terdapat pada *alakadar*.

Kata kerja dalam bahasa Arab dapat mengalami perubahan untuk mendapatkan perubahan erti yang disebut dengan istilah *tasrif*. Menurut Hamdan Hassan,^[10] ada tiga bentuk yang sering dipinjam dalam bahasa Melayu yang dibahagikan seperti berikut:

1. Bentuk infiniti: *iktiraf, iklan, ikrar, tafakur, muafakat, musyawarat* (mesyuarat), *taljid, tertib, nikah, siasat, bina, rela, ijab* dan sebagainya.
2. Bentuk *participium activum*: *asyik, lahir, arif, layak, murid, zalim, karib, alim, hamil, hadir, wakil, ghalib* dan sebagainya.
3. Bentuk *participium passivum*: *maklum, makmun, masygul, makmur, masyhur, maksum, makhluk, maksud, makbul, makruf, maksyuk, makhdum*, dan sebagainya.

iii. Bentuk Tunggal dan bentuk Jamak

Dalam bahasa Arab, ada tiga bentuk jumlah: bentuk tunggal (*mufrad*), bentuk dualis (*musanna*) dan bentuk yang lebih daripada dua (*jamak*). Tetapi dalam bahasa Melayu, kita hanya mengenal dua jumlah: bentuk tunggal dan bentuk jamak. Dengan demikian kata-kata yang menunjukkan bentuk tunggal dan bentuk jamak sahaja yang dipinjam dalam bahasa Melayu.

Contoh-contoh berikut akan membayangkan struktur tatabahasa Arab yang dibandingkan dengan peminjamannya dalam bahasa Melayu:

9. Dr. Muhammad Abdul Jabbar Beg, *Arabic Loan Words in Malay*, University Kebangsaan Malaysia, 1977 h.3.

10. Hamdan Hassan, "Proses Peminjaman Kata-kata Arab dalam Bahasa Melayu", *Dewan Bahasa*, Jilid 16, Bil. 7, 1972, h.300.

	Tunggal	Dualis	Jamak
B. Arab B. Melayu	mualim mualim	mualimaan dua orang mualim	mualimun mualim-mualim
B. Arab B. Melayu	muslim muslim	muslimaan dua orang muslim	muslimun muslimin
B. Arab B. Melayu	hadhir hadhir	hadhiraan dua orang yang hadir	hadirun hadirin

Jika diperhatikan, bentuk jamak dalam bahasa Arab terbahagi dua: *Jamak salim* (yang tetap tanda-tandanya) dan *Jamak mukasar* (yang tidak tetap tanda-tandanya) *Jamak salim* (*muzakkar*) ditandai oleh akhiran *una* (وَن) dan *jamak muanas* (perempuan) oleh akhiran atau (اِت).

Penggunaan bentuk ini terbatas sekali dalam kata-kata seperti *muslimin*, *muslimat*, *hadirin*, *hadirat*.

Bentuk jamak mukasar pula seringkali diambil dari bentuk *fu'ala-u* (فُعَلَاء) dan kata-kata bentuk ini banyak dalam bahasa Melayu seperti *ulamak*, *hukama*, *fukaha* dan sebagainya. Satu perkara yang agak menarik dalam pengambilan kata jamak ini ialah pengekalannya dalam bentuk tunggal, sehingga timbul keperluan penggunaan kata bantu yang menunjukkan banyak atau perulangan. Kata-kata tersebut ialah: *para* ulama, *segala* arwah, *para* hadirin dan *semua* malaikat.

iv. Kata-kata Arab yang Berubah Maknanya Menurut Lingkungan

Bahasa sebagai alat komunikasi sentiasa berkembang dalam masyarakat bahasa dalam pelbagai segi lapangan hidup. Dalam proses penggunaannya ada kata-kata yang dipinjam dari bahasa lain yang berubah makna asalnya. Perubahan ini berlaku bukan sahaja dari segi makna malah kadang-kadang bunyi kata-katanya juga yang berikut ini adalah beberapa contoh untuk menunjukkan perbedaan makna dalam kedua bahasa itu:

	Bahasa Arab	Bahasa Melayu
ustaz:	guru besar pada perguruan tinggi	guru agama
kalimat:	perkataan	susunan kata-kata
habib:	kekasih	panggilan kepada orang-orang yang bergelar Sayid.
khalwat:	memencilkan diri di tempat sunyi untuk bertafakkur dan munajat dengan Tuhan.	berduaan di tempat yang sunyi oleh mereka yang bukan muhrim.

PERBEDAAN TRANSLITERASI KATA-KATA QURAN/ARAB DAN KATA PINJAMAN ARAB

Bahasa Melayu moden¹¹ kini bukan lagi milik orang Melayu sahaja malah menjadi milik semua penduduk di rantau ini. Prof Asmah jelas membincangkan bahawa, "*bahasa kebangsaan adalah bahasa yang dimiliki oleh setiap orang. Bahasa itu adalah kepunyaan tiap-tiap warga negara Malaysia.*"¹² Ini berlainan daripada bahasa Melayu lampau yang dikuasai oleh orang-orang Melayu sahaja dan kata-kata Arab telah menjiwai serta memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Memang menjadi kefarduan bagi orang-orang Melayu mempelajari al-Quran. Orang yang dapat berbahasa Arab megah dengan sebutan asalnya. Tetapi hal ini tidak bererti bahawa semua orang berupaya dan harus berbuat demikian. Kata C Skinner, "*pengambilan kata-kata bahasa Arab biasanya tidak mengekalkan sifat-sifat fonem Arab walaupun ada orang-orang Melayu, terutamanya yang menjaga hal ehwal agama — secara rasmi atau tidak rasmi — menyebut kata-kata Arab seberapa hampir kepada sebutan Arab.*"¹³

Kita mesti menerima kenyataan bahawa dalam perkembangan bahasa Melayu, pengambilan unsur-unsur daripada bahasa Arab harus disesuaikan menurut keadaan bahasa Melayu. Pada hemat saya perlu diadakan pemisahan di antara kata-kata bahasa Arab yang sudah diterima sebagai bahasa Melayu dengan kata-kata bahasa Arab sebagai bahasa agama.

11. Bahasa Indonesia, Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan Singapura, Bahasa Rasmi Brunei berasal daripada satu induk bahasa dan dalam perkembangannya telah memperoleh autonomi sendiri di daerah masing-masing. Bahasa Melayu moden dalam berbagai nama ini sudah jauh berkembang mengalami perubahan-perubahan, sesuai dengan tugas barunya.

12. Prof Dr Asmah Hj Omar, "*Pengajar Bahasa Malaysia dan Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, h.2.

13. C. Skinner, "*The Influence of Arabic upon modern Malay*", Intisari 11, No. 1, Malaysian Sociological Research Institute, h.42

Jika tidak, merumitkan istilah-istilah agama akan menyebabkan kesucian agama Islam ternoda dari sudut bahasa. Apa yang harus dilakukan sekarang adalah usaha meneliti sebilangan kata-kata seperti bidah (bid'ah), takbir (ta'bir), kasar (qasar), reda (ridha) sidik (siddiq) dan lain-lain.

Kita tidak dapat menafikan bahawa mentransliterasikan kata-kata Arab ke bentuk tulisan Rumi agak mustahil, tetapi dengan membaiki sistem transliterasi serta memperkenalkan ejaan secara fonetis berlambang akan merupakan satu jalan keluar yang berkesan dan bersesuaian pula. Jika ini tidak dilakukan beberapa kata Arab yang ditransliterasikan akan mempunyai erti yang berlainan dan ini akan nyata merupakan suatu pencemaran bahasa yang secara tidak langsung menodai kesucian Islam. Cuba lihat kata-kata berikut yang maknanya berbeza:

1. (a) Ni'mat (نِعْمَة) dalam bahasa Arab diertikan sebagai kebaikan yang dianugerahkan Allah.
- (b) Nikmat (نِقْمَة) dalam bahasa Arab diertikan sebagai suatu keburukan yang diturunkan kepada hamba Allah.
2. (a) Mu'min (مُؤْمِن) dalam bahasa Arab diertikan sebagai orang yang beriman.
- (b) Mukmin (مُكْمِن) dalam bahasa Arab diertikan sebagai orang yang menyembunyikan.

Di wilayah Timur Tengah, India dan Pakistan kaedah yang digunakan misalnya mengeja al Fatiha, As Saffat (ejaan di Indonesia umumnya) ditulis Al Fātihah, Al Saffāt. Prof Syalabi dalam bukunya "The History of Islam", memperlambangkan bunyi guttural 'ain' dengan / ʿ / seperti dalam ungkapan Al Waqi'ah.^[14]

Berbalik kepada kata-kata pinjaman bahasa Arab yang telah diiktiraf penerimaannya, tidak akan menimbulkan masalah jika perancangannya sempurna. Kalau tidak akan timbul suatu golongan penutur yang terlalu

14. Bahrum Ranguti, "Masalah Penulisan Kata-kata Arab dengan Huruf Latin di Indonesia", Kertas Kerja Seminar Bahasa Indonesia, 1972.

fanatik sehingga sebutannya akan menodai bunyi bahasa Melayu dengan sebutan ala Arabnya. Sebagai contoh, cubalah sebutkan kata-kata berikut ini menurut sebutan bahasa Arab:

"Pada bulan Ramadhan yang berkah ini hadhirin hadirat perlu (fardhu) beramal salih untuk mendapatkan keredhaan Allah."

Sungguh menggelikan hati mendengar sebutan kata-kata dalam ayat itu menurut cara sebutan bahasa Arab. Kita tidak dapat menyangkal bahawa kebanyakan kata Arab sudah diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu menurut bunyi Melayu dan kalaulah dibunyikan menurut sebutan Arab sudah tentunya akan menimbulkan keanehannya. Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh yang ertinya sama tetapi bunyinya berlainan.

1. Kata bahasa Arab yang mempunyai sabdu, Misalnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
lazzah	lazzah (لَذَّة)
hak	haq (حَق)
sihat	sehhah (صِحَّة)
membazir	mubazzir (مُبَذِّر)

2. Kata bahasa Arab yang mempunyai huruf ق (qaf). Misalnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
kamus	qaamus (قَامُوس)
kiamat	qiyamah (قِيَامَة)
kertas	qirtaas (قِرْطَاس)
kerabat	qaraabah (قَرَابَة)

3. Bunyi huruf "a" dalam bahasa Arab menjadi "e" dalam bahasa Melayu. Misalnya:

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
sedekah	sadakaqah (صَدَقَة)
berkat	barakah (بَرَكَه)
tertib	tartiib (تَرْتِيب)

Kesimpulan:

Setelah menatap perkembangan bahasa Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu serta masalah-masalah variasi ejaan yang dihadapi, akan jelaslah bahawa penyelarasan ejaan telah menenangkan suasana kekecohan penerimaan kata-kata bahasa Arab. Kita tidak menafikan bahawa bahasa Melayu telah mengharungi arus perubahan dan perkembangan yang begitu pesat setelah dijadikan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan di rantau ini. Kita juga mesti mengakui bahawa gejala kecemaran sentiasa mengancam kesempurnaan bahasa Melayu. Untuk mengelakkan masalah ini berlanjutan golongan yang terlibat dalam perancangan bahasa harus mendapatkan kata sepakat agar Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dapat mengeluarkan buku panduan untuk membedakan kata-kata Arab yang telah menjadi kepunyaan bahasa Melayu dan peraturan mentransliterasikan kata-kata Arab/Quran.

PENGUMUMAN

Kami mempersilakan saudara-saudara mengirim sumbangan esei, pendapat, pengalaman mengajar bahasa, pandangan terhadap sesuatu buku bahasa, pertanyaan bahasa atau hal-hal lain yang sehubungan dengannya.

Tulisan-tulisan tersebut boleh dikirim kepada salah satu daripada dua alamat di bawah ini.

TIMBALAN KETUA EDITOR SEKATA

Blok 860 Tampines Avenue 5

04-641

Singapura 1852.

atau

SETIAUSAHA KEHORMAT

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU SINGAPURA

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN

Bangunan PSA, Tingkat 37

460 Alexandra Road

Singapura 0511.

MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDERA

(Bahagian Kedua)

oleh: **MOHAMED NAIM B. DAIPi**

Sebenarnya apa yang ingin kami nyatakan ialah kegiatan meniru, menulis semula dan karangan terkawal hanyalah merupakan satu kegiatan yang lebih condong kepada aspek tatabahasa, gaya, susunan dan mekanik. Malah kegiatan meniru semata-mata kami anggap bukanlah satu kaedah pengajaran atau pembelajaran karangan yang dapat mengembangkan minat, pengalaman dan kemahiran mengarang.

Menyentuh mengenai gaya pula, Elaine Morais menyetujui pendapat kebanyakan penulis bahawa gaya bukanlah satu hiasan asing bagi penulisan yang baik tetapi adalah satu bahagian yang melengkapinya.

Sebenarnya ada banyak cara untuk membangkitkan minat dan kemahiran mengarang. Melalui perbincangan misalnya, murid-murid dapat mengeluarkan pengalamannya mengenai sesuatu. Sekadar contoh perhatikan tulisan seorang pelajar darjah dua mengenai "Bunga Mawar"

selepas kaedah ini dijalankan. Seyogianya dinyatakan bahawa sebelum murid-murid diberi peluang melihat dan meneliti bunga mawar yang ditunjukkan oleh gurunya.

Bunga Mawar

Bunga mawar berwarna merah.

Bunga mawar wangi baunya.

Kelopak bunga mawar sangar halus

Ibu saya suka tanam pokok bunga mawar

Kadang-kadang ibu beli bunga mawar di pasar

Ibu letak bunga mawar di dalam pasu.

Mungkin anda bersetuju bahawa kaedah ini boleh meninggalkan kesan yang baik jika dibandingkan dengan kaedah meniru semata-mata. Melalui perbincangan inilah murid-murid dapat mengumpulkan data-data yang penting bagi karangan mereka.

Namun demikian, peringkat-peringkat yang disebutkan di atas juga penting dalam proses membentuk kemahiran mengarang seseorang pelajar, sama pentingnya dengan semua kegiatan bahasa.

Hussein Mahmud menjelaskan bahawa menulis adalah satu kemahiran bahasa. Dalam bentuk yang "simple" menulis bermaksud menghubungkan bunyi (lisan) dengan bentuk simbol-simbol grafik. Gerak kerja menulis ini disebut sebagai "notation". Seterusnya, gerak kerja ini melibatkan proses ejaan, latihan tatabahasa dan proses perkembangannya terus ke peringkat melahirkan idea-idea dan akhirnya ke peringkat di mana seseorang itu dapat melahirkan perasaan dirinya dalam "polished literary" di mana perbendaharaan kata dan "refinements of structure" digunakan sepenuhnya. Peringkat ini disebut sebagai karangan (*a piece of writing*).

Menyentuh mengenai definisi karangan, Prof. Dr. Koh Boh Boon menyatakan; karangan adalah hasil dari kerja mengarang, satu proses melahirkan satu rangkaian idea dalam bentuk penulisan secara tersusun.

Kamarudin Haji Husin pula menyatakan bahawa karangan bukanlah hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun

kata-kata, frasa dan ayat sahaja, tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia melalui alat komunikasi yang di namakan bahasa.

Jadi; idea merupakan satu unsur yang utama dalam sebuah karangan. Proses pengajaran/pembelajaran karangan terutamanya bagi pelajar-pelajar peringkat P4 hingga P8 bertumpu pada apakah yang hendak ditulis daripada bagaimanakah hendak menulis. Namun demikian, oleh kerana karangan merupakan satu kemahiran bahasa yang paling tinggi, maka pengabaian unsur-unsur lain akan meletakkan pencapaian matlamat kita kosong semata-mata.

Dalam peringkat awal pengajaran/pembelajaran karangan, kita sering membimbing murid-murid untuk mengembangkan idea. Tanpa idea ini, murid-murid berada di dalam keadaan yang samar sekali atau sukar untuk menulis karangan walaupun mereka mempunyai asas yang teguh dalam aspek bahasa, gaya dan mekanik. Dan pengembangan idea ini pula merupakan satu langkah penting kepada murid-murid untuk mengumpul isi karangan atau data-data yang penting bagi karangan mereka. Jadi bagaimanakah peranan kita untuk mengembangkan idea murid-murid ini?

Kita tidak dapat menafikan bahawa aspek yang penting bagi seseorang guru dalam perkara tersebut ialah mengembangkan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang murid.

Ada dua cara seseorang itu memperolehi sesuatu pengalaman, iaitu secara langsung dan tidak langsung atau gantian. Pengalaman secara langsung yang di maksudkan ini ialah pengalaman yang benar-benar ditempuhi oleh seseorang yang disebabkan oleh keadaan sekitar, kondisinya dan takdir serta yang dialami oleh pancainderanya. Sementara pengalaman secara tidak langsung atau gantian pula ialah bentuk-bentuk pengalaman yang diperolehinya menerusi pembacaan, pembincangan, perkhabaran dan sebagainya.

Dengan mengembangkan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang murid dan dibincangkan bersama di dalam bilik darjah, murid-murid dapat menyerap beberapa idea untuk isi karangannya.

Dalam satu penyelidikan yang dilakukan oleh Suratman Markasan ke atas 26 orang pelajar darjah enam berhubung dengan kemahiran mengarang, memperlihatkan bahawa satu kelemahan murid-murid kita dalam karangan ini ialah keupayaan mereka menerapkan isi karangan. Dari peratusan yang diturunkan di bawah ini jelas memperlihatkan pecahan markah hitung panjang bagi isi lebih rendah dari jumlah hitung panjang markah tatabahasa dan susunan (gaya).

ISI	BAHASA	SUSUNAN
48.6%	60.0%	65.2%

Bagi mengatasi masalah mendapatkan isi bagi sesebuah karangan ini, guru disarankan supaya menggunakan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang kanak-kanak. Dan aspek pengalaman yang banyak menampilkan idea bagi penulisan karangan ini ialah pengalaman pancaindera seseorang kanak-kanak.

MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDERA

Daya pengesanan dan pengecaman pancaindera seseorang manusia sesungguhnya membantu seseorang manusia dalam kehidupannya. Seseorang mangsa penculik yang terkurung di dalam sebuah bilik yang gelap misalnya dapat menggunakan deria pendengaran, penghiduan, per-sentuhan dan perasaan untuk mengesan sesuatu. Mungkin dengan menggunakan kekuatan pengesanan pancainderanya, dia dapat mengesan tempat kurungannya, penculiknya dan sebagainya.

Ini membuktikan betapa pentingnya pancaindera kepada manusia. Jika kita dapat menggunakan kesemua pancaindera kita dengan sebaik-baiknya, tentu bakal memanfaatkan kita.

Dan andainya seseorang guru dapat merangsang murid-murid supaya menggunakan pancainderanya untuk mengesan sesuatu yang berhubung dengan tajuk karangan, tentu masalah untuk menerapkan isi karangan akan mudah diatasi.

Mimi Brodsky Chenfeld mengatakan; dengan mengumpulkan berbagai-bagai pengalaman pancaindera yang berhubung dengan tajuk karangan merupakan satu usaha bagi murid-murid berkongsi pengalaman meluaskan kosa kata dan sama-sama mencari idea atau isi bagi karangannya.

Katakanlah kita menyediakan tajuk karangan "Melawat ke Taman Haiwan Mandai" untuk murid-murid kita. Judul tersebut tentunya telah kita fikirkan kesesuaiannya kerana rata-rata murid-murid kita hari ini telah berdarmawisata ke tempat tersebut. Buatlah arahan kepada murid-murid supaya mengumpulkan atau mendaftarkan sesuatu yang dilihatnya, didengarnya, dihidunya, disentuhnya atau sesuatu yang dirasanya dengan lidah. Dengan berbuat demikian, murid-murid telah mula mengumpulkan atau membayangkan isi karangannya dengan menggunakan pancainderanya.

Mungkin daftar berikut terdapat dalam catatan murid-murid kita.

YANG DILIHATNYA

*banyak binatang
binatang bergerak bebas
tubuh binatang gemuk-gemuk berlaka
monyet bergayut-gayut
beruang putih berenang
ramai pelawat
pelawat mengambil gambar
pokok-pokok menghijau
sampah tidak bersepehan
pentas pertunjukan
kenaikan khas
restoran dan lain-lain lagi*

YANG DIDENGARINYA

*bunyi berbagai-bagai binatang
bunyi keretapi mini
cakapan pelawat mengenai sesuatu*

*orang ketawa kerana telatah binatang
sorakan kanak-kanak
kanak-kanak menangis kerana takut menaiki gajah
arahan penjaga kepada binatang dalam pertunjukan khas
bunyi binatang berkelahi
bunyi pancutan air*

YANG DIHIDUNYA

*bau wangi-wangian pelawat
bau busuk najis binatang
bau peluh badan.*

YANG DISENTUHNYA

*tubuh binatang
air pancutan*

YANG DIRASANYA

*makanan restoran
minuman*

Seyogianya dinyatakan bahawa daya ingatan seseorang kanak-kanak boleh menjejaskan pengumpulan daftar pancaindera ini dan penjejasan ini pula boleh mengurangkan isi karangannya kelak. Bagi mengatasi masalah tersebut, guru-guru disarankan supaya pengumpulan daftar pancaindera ini dilakukan secara kumpulan atau beramai-ramai atau sebaik-baiknya semasa lawatan ke taman haiwan. Dengan demikian lawatan tersebut bukan sahaja akan mengembirakan murid-murid tetapi menjadi lebih bermakna.

Setelah pengumpulan daftar pengalaman pancaindera tadi, adakan beberapa perbincangan dengan murid-murid mengenai perkara tersebut. Dengan demikian, pengalaman pancaindera seseorang murid boleh tersebar di dalam darjah atau dengan kata lain murid-murid dapat berkongsi pengalaman. Begitu juga daya ingatan murid akan mula berperanan dan gambaran lawatan tersebut menerawang di atas kepada mereka.

Melalui perbincangan juga, guru dapat menimbulkan beberapa kesan lain yang menyentuh perasaan (emosi) dan pemikiran mereka.

Menurut Raminah Haji Sabran dan Rhim Syam, karangan ialah pengaliran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang ditetapkan oleh guru.

Kesan yang menyentuh perasaan (emosi) ini dapat memunculkan beberapa isi karangan. Sekadar contoh; perasaan gembira kerana dapat membuat lawatan ke taman haiwan, berasa riang melihat telatah beberapa ekor binatang, berasa senang degan keindahan sekitar taman haiwan tersebut dan sebagainya.

Begitu juga yang menyentuh pemikiran murid-murid. Murid-murid bukan saja berupaya menanggapi suatu tentang taman haiwan itu seperti taman haiwan yang bersih, luas, binatang yang bergerak bebas disebabkan kawasan kurungan yang besar, tubuh binatang yang sihat kerana penjagaan yang rapi dan sebagainya, malah menerusi perbincangan juga, murid-murid dapat dibimbing mengelurkan pendapatnya mengenai sesuatu yang berhubungan dengan taman haiwan yang dilawatnya itu. Sekadar contoh; murid-murid boleh menyaran sesuatu untuk mengurangkan bau busuk najis binatang dan sebagainya.

Setelah guru-guru berjaya membangkitkan pengecaman dan pengesanan menerusi pengalaman pancaindera ini, guru-guru bolehlah mengajukan bagaimana hendak menulis karangan tersebut dengan baik. Namun demikian kami tidak akan sentuh tentang teknik dan gaya penulisan karangan yang baik dalam kertas ceramah ini.

Dengan menggunakan kaedah pengajaran karangan ini, kita mungkin dapati murid-murid bertambah yakin untuk menulis sesuatu tajuk karangan dengan isi-isi yang padat dan berkesan.

Sesungguhnya, kegiatan seperti itu juga merupakan satu langkah membekalkan murid-murid dengan idea, latarbelakang pengalaman dan suasana yang dapat merangsangkan murid-murid mengarang. Martha Dallmann (1976) menyatakan; Latarbelakang pengalaman yang mencukupi

dan peluang untuk berbincang sebelum kegiatan mengarang dijalankan adalah penting kepada kanak-kanak yang lazimnya kurang pengetahuan tentang perkara-perkara kepengarangan.

Perhatikan beberapa karangan contoh yang ditulis oleh murid-murid kita. Karangan contoh ini menerapkan kaedah pengesanan melalui pencaindera dan kaedah yang lumrah digunakan dewasa ini. Seyogianya dinyatakan beberapa kesalahan tatabahasa dan mekanik dalam karangan contoh ini tidak diperbetulkan.

CONTOH 1

TAJUK KARANGAN: DARIHAL ABANG SAYA

DARJAH: PRIMARY 4

JUMLAH PERKATAAN: 80-100 PATAH

KARANGAN CONTOH 1.1

JUMLAH PERKATAAN: 80 PATAH

Saya ada seorang abang. Namanya ialah Shahari. Dia ialah abang yang baik. Dia suka menolong ibu dan bapaku. Kadangkala jika saya mempunyai masalah, dia cuba untuk menolongi saya.

Pada suatu hari abangku jatuh sakit. Saya rasa sungguh sedih dan kesunyian. Dia tidak pergi sekolah selama seminggu. Saya merasa sungguh risau. Satu hari dia pun sembuh, saya merasa gembira. Saya tidak membenarkannya bekerja berat-berat. Saya sangat sayang kepada abang kandung saya itu.

Saya sungguh bertuah mendapat abang Shahari.

KARANGAN CONTOH 1.2

JUMLAH PERKATAAN: 33 PATAH

Saya ada seorang abang. Namanya Wahab. Bentuk badannya sedang dan mukanya lawah. Perangainya baik kadang-kadang nakal. Umurnya tiga puluh empat tahun. Dia tinggal di Ubi Avenue. Tingkatnya tiga. Dia bekerja sebagai pegawai polis.

Kalau kita perhatikan karangan contoh 1.1, jelas kepada kita betapa imaginasi penulisnya berkembang setelah puas membuat pengecaman mengenai abangnya. Pengecaman ini tentunya banyak dibuat menerusi deria penglihatannya. Dan hasil dari penglihatannya ini, penulis dapat mengumpulkan isi karangannya seperti abangnya kacak, baik, suka menolong dan lain-lain lagi.

Andainya penulis ini diberi peluang menggunakan semua unsur pancainderanya, karangannya akan bertambah baik. Katakanlah melalui pendengaran, mungkin penulis dapat menggambarkan tentang cara percakapan abangnya yang lemah lembut, nyanyian abangnya merdu dan lain-lain lagi.

Namun demikian kita juga dapat melihat betapa melalui deria penglihatannya sahaja, penulis ini dapat meninggalkan beberapa kesan emosi. Hasil daripada pengesanan itu, penulis berjaya menerapkan perkataan-perkataannya atau isi karangan seperti sedih kerana abangnya sakit, berasa risau-risau kerana sudah seminggu abangnya tidak ke sekolah, gembira kerana abangnya sembuh dan sebagainya.

Malah melalui pengesanan pancainderanya juga, penulis dapat menerapkan pendapat yang berterus terang, iaitu; tidak membenarkan abangnya bekerja berat, sangat sayang kepada abangnya berasa bertuah mempunyai abang.

Berbeza dengan karangan contoh 1.2 walaupun penulis hanya menggambarkan pengesanan deria penglihatan yang sekilas iaitu; badang abangnya sederhana, orangnya lawa dan berperangai tidak menentu (kadang-kadang baik, kadang-kadang nakal), penulis tidak berjaya mengembangkan pengalaman pancainderanya itu. Dengan demikian, karangannya kekurangannya isi dan tidak mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan. Kami yakin, jika penulis dibimbing menerusi kaedah pengecaman dan pengesanan pancaindera, penulis akan bertambah yakin untuk mengarang.

CONTOH 2

TAJUK KARANGAN: MEMELIHARA TIKUS PUTIH

DARJAH: PRIMARY 6.

JUMLAH PERKATAAN: 120-150 PATAH

KARANGAN CONTOH 2.1

JUMLAH PERKATAAN: 153 PATAH

Zul dan Ali telah pergi ke Pusat Sains Singapura pada Sabtu lalu. Mereka pergi ke sana untuk mengambil dua ekor tikus putih. Mereka membawa tikus putih ke rumah Zul.

Zul menyimpan tikus putih itu di dalam kotak khas. Mereka menjaga tikus putih itu dengan baik. Mereka diberi makan tiga hari sehari. Makanan kesukaan tikus ialah keju dan susu.

Tiap-tiap hari Ali pergi ke rumah Zul untuk bermain-main dengan tikus putih itu. Tikus-tikus itu berasa gembira ketika bermain. Ali selalu melepaskan tikus-tikus itu jika adiknya menggenggam tikus itu dengan kuat. Dan juga melarang adiknya daripada memukul tikus itu.

Ayah Ali selalu mengingatkan adiknya supaya menyayangi binatang tetapi jangan menyiksa mereka sebab mereka juga mempunyai perasaan sebagaimana kita ada. Daripada saat itu adik Ali menyayangi tikus-tikus putih abang Ali dan Zul juga berasa gembira sekali.

KARANGAN CONTOH 2.2

JUMLAH PERKATAAN: 64 PATAH

Pada hari minggu yang lepas saya dan Razak telah pergi ke Pusat Sains. Seorang daripada pekerja itu memberi saya sebuah kotak yang berisi tikus putih dalamnya.

Saya pun membawa pulang tikus itu ke rumah. Saya membuat sebuah rumah dan membina sebuah tempat untuk tikus itu memanjat.

Saya selalu memberi makanan dan minuman ke sukaannya. Saya selalu merah adik saya supaya jangan menyiksanya.

(komen guru: Karangan kamu tidak sampai 100 perkataan. Sepatutnya kamu mesti mengarang 150 patah perkataan).

KARANGAN CONTOH 2.3

JUMLAH PERKATAAN: 181 PATAH

"Cit...cit...cit," bunyi binatang peliharaan saya. Muncungnya bergerak-gerak setiap kali saya mendekatinya. Saya segera mengambilnya dan menggosok-gosok bulunya yang putih dan halus itu. Kemudian, saya pun memberinya makan secebis keju.

Nama binatang peliharaan saya itu, Manja. Nama itu diberi oleh ibu saya yang juga sangat sayang kepadanya. Manja ialah seekor tikus putih yang istimewa. Manja diberi oleh anak jiran saya yang bernama Lihua yang kini telah berpindah ke kawasan perumahan Marsiling.

Manja sangat gembira mendapat sekeping keju. Itulah makanan kegemarannya. Saya membelikan sebuah tempat kurungan khas untuk Manja. Di dalam kurungan itu terdapat sebuah buaian kecil dan roda kecil. Manja pandai bergayut-gayut di buaian dan menggerakkan roda kecil itu supaya berpusing-pusing.

Seyogianya dimaklumkan bahawa karangan contoh 2.1 dan 2.2 ditulis oleh penulis yang sedarjah dan menggunakan kaedah mengarang yang biasa. Sementara penulis karangan contoh 2.3 datangnya dari sekolah yang lain dan menggunakan kaedah pengecaman dan pengesanan pancaindera.

Jika kita perhatikan karangan contoh 2.1 dan 2.2, kita dapat melihat idea yang tidak berkembang dan *stereotype* pula. Gambaran-gambaran yang sama jelas terdapat pada kedua-dua buah karangan tersebut. Sekadar contoh; penulis mendapatkan tikus putih di Pusat Sains Singapura, pergi ke Pusat Sains dengan seorang rakan, penulis marahkan adiknya kerana menyiksa tikus putih dan lain-lain lagi.

Kita mungkin bersetuju bahawa karangan contoh 2.1 lebih berkembang daripada karangan contoh 2.2 yang mendapat teguran guru kerana tidak mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan. Namun demikian, isi karangan contoh 2.1 hanya menerapkan maklumat atau

pengalaman yang bersifat umum belaka. Kekurangan perkataan dalam karangan contoh 2.2 pula jelas memperlihatkan kepada kita betapa kekurangan idea akan menghambat keinginan murid-murid untuk mengarang.

Karangan contoh 2.1 dan 2.2 dimulakan dengan kegiatan perbincangan yang lazim diusahakan oleh guru. Namun demikian bahan perbincangan lebih tertumpu kepada "bagaimana" karangan tersebut hendak ditulis terutama dalam aspek susunan. Malah idea perbincangan hanya terlingkar dalam bentuk yang amat terbatas, iaitu;

Bagaimana kamu mendapat tikus putih itu?
Di mana kamu menyimpan tikus putih itu?
Apa yang kamu buat dengan tikus putih itu?
Apa yang kamu buat jika adik kamu menyiksa tikus itu?

Kalau kita perhatikan buku teks Sari Bahasa 6A (halaman 23) yang menyaran tajuk karangan yang serupa dan berpandukan gambar-gambar yang tertera, ini tidak bermakna murid-murid terbatas untuk mengeluarkan pengalaman emosi dan fikirannya. Begitu juga perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang dijadikan panduan mengarang bukanlah satu arahan yang tegar (rigid). Ini jelas tercetak dalam arahan yang mengatakan; kamu bolehlah menggunakan semua atau sebahagian panduan tersebut. Pembatasan-pembatasan hanya akan melembatkan keinginan murid-murid untuk mencipta, sedangkan kita amat maklumi bahawa imaginasi seseorang kanak-kanak kadangkala melangkaui alam yang nyata.

Berbeza dengan contoh 2.3 yang menggunakan kaedah pengecaman dan pengesanan pancaindera, idea penulis berkembang sehinggakan jumlah perkataan melebihi daripada jumlah yang di tetapkan. Seyogila dinyatakan karangan penulis ini tidak berdasarkan kepada gambar-gambar bersiri dalam buku teks Sari Bahasa 6A. Sama seperti penulis karangan contoh 2.1 dan 2.2, penulis karangan contoh 2.3 diberi peluang berbincang, malah penulis sendiri tikus-tikus putih yang dibawa oleh beberapa orang rakannya.

Melalui karangan contoh 2.3 juga, kita dapat melihat betapa penulis membuat gambaran mengenai tikus putih itu melalui panggalan pencainderanya. Sekadar contoh, ayat-ayat berikut merupakan fakta yang membentuk dan mewarnai karangannya serta tidak terucap di dalam karangan contoh 2.1 dan 2.2

- 1) Muncungnya bergerak-gerak seperti mahu sesuatu dari (daripada) saya. (aspek penglihatan)
- 2) "Cit...cit...cit..." bunyi binatang peliharaan saya. (aspek pendengaran)
- 3) Saya segera mengambilnya dan menggosok-gosok bulunya yang putih dan halus itu. (aspek persentuhan)

Jadi; amat jelas kepada kita bahawa kaedah pengajaran melalui pengecaman dan pengesanan pancaindera ini dapat membina minat dan mengukuhkan keupayaan murid-murid kita mengarang. Suratman Markasan mengatakan: *Dengan menggunakan bentuk ini, guru-guru secara tidak langsung, sentiasa mengajar murid-murid dan pelajarnya sentiasa berjaga-jaga dan waspada. Mereka sentiasa mahu mencatat apa yang dilihatnya, apa yang didengarnya, apa yang mungkin dihidunya dan apa yang dapat dirasa atau difikirkannya.*

PENUTUP

Dengan menggunakan kaedah mengarang melalui pengecaman dan pengesanan pancaindera ini, murid-murid bukan sahaja diberi peluang berkongsi pengalaman dengan rakan-rakannya tetapi dapat melatih diri melahirkan idea dan isi karangan yang padat. Dan dengan demikian juga murid-murid akan bertambah yakin dalam menghasilkan sebuah karangan yang berwarna dan bermakna.

BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN

- ABDULLAH HASSAN - Linguistik Am Guru Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1982.
- ASMAH HAJI OMAR (Ed.) - Kaedah Pengajaran Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.
- AWANG MOHAMMAD AMIN - Beberapa Masalah Pengajaran-Pembelajaran Karangan Peringkat Tinggi, Dewan Bahasa Jilid 27, Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac 1983.

- Ujian penulisan Peringkat Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Secara Sepintas lalu, kertas kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan Penilaian dalam bidang Pendidikan Bahasa anjuran Pakulti Pendidikan Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1982.

AZMAN WAN CHIK (Ed.) - Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 1 Perkaedahan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA - Panduan Guru di Sekolah Rendah, Kuala Lumpur, 1961.

INSTITUT PERKEMBANGAN KURIKULUM SINGAPURA - Buku Teks Sari Bahasa 6A, Pan Pasifik, Singapura, 1985.

ISAHAK HARON - Panduan Pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah Menengah: Pembinaan Satu Conceptual Framework Dalam Penulisan Karangan, Jurnal Dewan Bahasa Jilid 23, Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 1979.

KAMARUDDIN BIN HJ. HUSIN - Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Penerbitan Sarjana, Kuala Lumpur, 1986.

KEMENTERIAN PELAJARAN SINGAPURA - Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk Sistem Pelajaran Baru, Kursus Bersama dan Biasa, 1981.

KOH BOH BOON (Dr.) - Pengajaran Bahasa Malaysia, UtusanPublication, 1981.

- Beberapa Aspek Penting Dalam Pengajaran Karangan, Bergambar, Dewan Bahasa Jilid 27, Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac 1983.

- Penilaian Karangan Bahasa Malaysia, kertas kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan Penilaian Dalam Bidang Pendidikan Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1982.

MARTHA DALLMANN - Teaching The Language Arts in the Elementary School, Brown Company Publishers, U.S.A., 1976.

MIMI BRODSKY CHENFELD - Teaching Language Arts Creatively, Harcourt Brace Jovanovich, America, 1978.

RAMINAH HJ SABRAN dan RAHIM SYAM - Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1985.

SEAMEO REGIONAL LANGUAGE CENTRE - Controlled and Guided Composition, Singapura, 1986.
- Guidelines for writing Activities, A Magazine for Language Teacher, No: 6, December 1981.

SIDI GHAZALBA (Drs.) - Pandangan Islam Tentang Kesenian, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977.

SURATMAN MARKASAN - Metode Mengarang dengan Menggunakan Kekuatan Pancaindera, kertas kerja Seminar Bahasa dan Sastra dalam Pendidikan di Malaysia anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, April 1985.

- Mengembangkan Kebolehan Menulis dan Kemampuan Menulis, Mengembangkan Kebolehan Mengarang untuk Mengikis Kelemahan dan Daya Mencari Isi dan Kekuatan Bahasa, kertas syarahan 9, 10, dan 11 Kursus Dalam Perkhidmatan Pengajaran Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Singapura, 1985.

